

Pegawai Daerah Sabak Bernam,
Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam

Tuan,

**PERMOHONAN PINDAAN ARAHAN PENJIMATAN DALAMAN BAGI URUSAN
TEMPAHAN MAKANAN DAN MINUMAN MESYUARAT / TAKLIMAT**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan, Pentadbiran ini ingin memohon kelulusan bagi membuat pindaan Arahan Pentadbiran berkaitan Arahan Penjimatan Bagi Urusan Tempahan Makanan dan Minuman Mesyuarat / Taklimat mulai 1 Ogos 2021 seperti berikut:


- i. Mesyuarat / taklimat dalaman PDTSB yang dijalankan pada sebelah pagi atau petang tidak dibenarkan untuk membuat tempahan makanan dan minuman tengahari kecuali sekiranya mesyuarat / taklimat tersebut melibatkan jabatan / agensi luar dipinda kepada;
Mesyuarat / taklimat dalaman PDTSB yang dijalankan pada sebelah pagi atau petang tidak dibenarkan untuk membuat tempahan makanan dan minuman tengahari kecuali sekiranya mesyuarat / taklimat tersebut melibatkan jabatan / agensi luar atau yang dipengerusikan oleh Ketua Penolong Pegawai Daerah / Tuan Pegawai Daerah.
- ii. Manakala kadar syiling bagi mesyuarat / taklimat yang dijalankan pada sebelah malam adalah ditetapkan pada kadar RM4.00 sahaja dipinda kepada;
Manakala kadar syiling bagi mesyuarat / taklimat yang dijalankan pada sebelah malam adalah ditetapkan pada kadar RM4.00 sahaja kecuali mesyuarat / taklimat tersebut melibatkan jabatan / agensi luar atau yang dipengerusikan oleh Ketua Penolong Pegawai Daerah / Tuan Pegawai Daerah, kadar yang ditetapkan adalah RM8.00.

3. Kerjasama dan kelulusan tuan amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHAMAD MARWAN BIN AHMAD TAJURI P.P.T)
Ketua Penolong Pegawai Daerah (Khidmat Pengurusan)

KEPUTUSAN

Permohonan diluluskan / ~~tidak diluluskan.~~

Ulasan : *Tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuatkuasa
dan kecekapan peruntukan.*


(AMRI BIN ISMAIL)

Pegawai Daerah Sabak Bernam

Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam